

Pastikan nasib usahawan Melayu terbela

KUALA LUMPUR 11 Jun - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) hari ini memohon jaminan kerajaan supaya nasib usahawan Melayu dan bumiputera di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) terus terbela, sekiranya kompleks beli-belah itu dijual dan dirobohkan.

Berikutan itu, DPMM merancang untuk mengadakan rundingan dengan Kementerian Kewangan tidak lama lagi.

Setiausaha Agungnya, Hanafee Yusof berkata, sebelum menemui pihak kementerian, pihaknya akan bermesyuarat di peringkat Jawatan Kuasa Majlis Eksekutif DPMM pada 18 Jun nanti.

Katanya, pihaknya mahu mencari kaedah menang-menang di antara pemilik BB Plaza, UDA Holdings Bhd. (UDA) dan MRT Corp.

"Kami amat memerlukan jaminan daripada kerajaan dan juga MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dalam bentuk apa jua supaya nasib 60 peratus penyewa Melayu di BB Plaza terbela, termasuk memindah peniaga-peniaga ke tempat perniagaan strategik yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan DPMM di sini hari ini.

Hadir pada majlis ialah Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL), Datuk Syed Amin AlJeffri.

Pada 6 Jun lalu mengumumkan pihaknya mungkin terpaksa melepaskan aset paling berharga di ibu kota, kompleks beli-belah BB Plaza kepada MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), sekiranya diminta berbuat demikian.

Pelepasan aset itu adalah sebagai memberi laluan kepada projek pembangunan nasional, My Rapid Transit (MRT).

Kompleks beli-belah seluas 400,000 kaki persegi (ruang kasar) itu kini mempunyai 150 penyewa dengan 60 peratus daripadanya adalah Melayu.